

## **BAB II**

### **TINJAUAN KAJIAN LAMPAU**

#### **2.0 Pendahuluan**

Ledakan maklumat kesan daripada perkembangan pesat teknologi maklumat telah membawa beberapa perubahan yang begitu ketara dalam kehidupan manusia pada masa kini dan akan datang. Arus perubahan yang begitu pantas turut dirasai dalam dunia pendidikan pada masa kini. Pentingnya teknologi maklumat telah membawa masyarakat hari ini mengenali apa dia multimedia, hypermedia, internet, intranet, dan lain-lain yang berkaitan dengan dunia pengkomputeran.

Memandangkan kita akan memasuki abad ke-21 yang lebih mencabar lagi, seharusnya pelajar-pelajar kita sudah dididik untuk menjadikan mereka sebagai masyarakat bermaklumat mulai saat ini. Bagi menjadikan masyarakat kita suatu ‘masyarakat maklumat’, perlulah bermula daripada sistem pendidikan. Justeru itu diharap segala usaha ke arah penyerapan teknologi maklumat ke dalam sistem pendidikan kita dapat dilakukan dengan lebih terancang supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar yang bermaklumat, innovatif dan berkemahiran mengendalikan maklumat berlandaskan teknologi yang ada.

Bab ini seterusnya akan memaparkan tinjauan kajian-kajian lampau yang meliputi Matlamat Pendidikan, Pengkomputeran di Malaysia, Multimedia dalam sistem pengajaran dan pembelajaran, Keberkesanan penggunaan bahan multimedia dalam sistem pendidikan, dan keberkesanan pengajaran mata pelajaran sejarah dengan menggunakan bahan multimedia.

## **2.1 Matlamat Pendidikan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Education in Malaysia, 1993), merangkumi tujuan keseluruhan pendidikan di Malaysia. Ia menyatakan bahawa pendidikan merupakan satu usaha berterusan.

*...untuk melahirkan Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggung jawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*

Oleh itu, salah satu matlamat yang penting dalam pendidikan di Malaysia ialah pembangunan sumber manusia untuk menyediakan tenaga kerja yang berketrampilan dan intelektual serta berkeupayaan untuk menghadapai cabaran masa depan. Masa depan ialah zaman celik teknologi maklumat. Teknologi maklumat merangkumi apa juar alat elektronik yang membenarkan pengguna menyimpan, menghubung, memproses, mencipta dan menyampaikan maklumat (Groff, 1995).

Dunia masa kini sedang mengalami penstrukturran semula yang pesat. Banyak negara yang membangun seperti Amerika Syarikat, Kanada, negara-negara Eropah dan negara-negara Pasifik telah mula melaksanakan perubahan dalam prasarana pembangunan sumber manusia demi melahirkan pekerja-pekerja yang berpengetahuan. Sebagai satu negara yang berfokus ke arah negara maju pada abad ke 21, adalah penting sekali generasi muda dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk menghadapai cabaran era teknologi maklumat. Generasi akan datang perlu memproses dan memanipulasikan kuantiti maklumat yang sentiasa meningkat kerana maklumat beranjak dari peringkat tempatan ke peringkat yang lebih global. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan yang kita mempunyai tenaga kerja yang berpemikiran. Ini bermakna pelajar kita perlu bukan sahaja boleh menangani maklumat tetapi boleh menganalisa keadaan baru, menyelesaikan masalah serta bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat.

Justeru itu, untuk mencapai matlamat pendidikan Malaysia, satu anjakan paradigma diperlukan dalam cara kita memikir tentang penggunaan teknologi di sekolah. Jika sekolah ingin mendapat faedah sepenuhnya, teknologi perlu menjadi asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan bukan hanya sebagai bahan tambahan.

Berdasarkan kepada matlamat itulah, Sekolah Bestari mula diperkenalkan di negara kita. Di Malaysia, Sekolah Bestari merujuk kepada sekolah yang memberikan peluang teknologi maklumat interaktif untuk memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran serta proses pengurusan. Sekolah Bestari seharusnya mendidik bukan sahaja untuk zaman maklumat bahkan menggunakan alat yang terdapat di zaman maklumat. Sama seperti Sekolah Bestari Amerika Syarikat (Fiske, Reed & Sautter 1991; Stallard, 1991), Sekolah Bestari Malaysia akan memfokuskan usaha dalam melahirkan “Kanak-Kanak Bestari”, iaitu mereka yang kreatif dan berupaya menjana maklumat baru iaitu mereka yang boleh dianggap “pemikir” dan bukan individu yang boleh mengeluarkan semula pengetahuan.

Memandangkan Sekolah Bestari memberikan penekanan pada perkembangan individu secara menyeluruh dengan memberi fokus bukan sahaja pada domain intelektual tetapi juga domain afektif. Dengan itu, teknologi terbaru akan digunakan untuk mengembangkan peranan pengajaran melampaui bilik darjah biasa, mempertingkatkan kualiti pengajaran ke arah akses kendiri, terarah pelajar dan mengikut kadar pembelajaran individu.

## **2.2 Pengkomputeran Di Malaysia**

Mengikut perkembangan komputer tempatan, kita dapat berasakan ledakkannya yang agak drastik. Komputer kini telah menjadi sebahagian daripada keperluan dan mempengaruhi kehidupan seharian kita. Sebenarnya, komputer telah diperkenalkan kepada masyarakat dunia sejak beberapa abad lalu. Di negara kita, komputer mula digunakan pada tahun 1965 apabila Lembaga Letrik Negara menggunakan komputer untuk memproses gaji kakitangan dan juga akaun syarikat. Tetapi, komputer tidak disambut baik pada ketika itu kerana kos komputer yang tinggi dan kekurangan tenaga mahir dan berpengalaman dalam bidang komputer.

Kini atas kesedaran masyarakat tentang kepentingan komputer terhadap pembangunan negara, kita dapat melihat perubahan positif yang agak ketara. Komputer digunakan oleh masyarakat mengikut keperluan masing-masing, bukan sahaja digunakan oleh agensi kerajaan dan swasta tetapi juga orang awam. Malah Malaysia sekarang muncul sebagai pengguna yang keempat terbesar di Asia.

## **2.3 Penggunaan Bahan Multimedia (Komputer) dalam Sistem Pendidikan**

Walaupun penggunaan komputer kini meluas ke pelbagai bidang dan sektor masyarakat seperti perindustrian, perubatan, penyelidikan, perdagangan, hiburan, pengangkutan, komunikasi dan sektor awam; namun tumpuan diberikan kepada bidang pendidikan. Ini adalah kerana teknologi komputer merupakan realiti masa

kini dan ia akan menjadi arah yang dominan pada masa yang akan datang (Karger, 1987). Perkembangan ini jelas dalam kehidupan sehari-hari kita di mana semakin banyak kegiatan rutin melibatkan komputer.

Secara umumnya, terdapat tiga sebab utama komputer digunakan dalam pendidikan iaitu (Media ComIL, Februari 1992) :

- a. perkembangan teknologi baru telah menawarkan satu teknologi maklumat yang berkuasa, bersepada serta berfungsi kerana kaedah ini memudahkan penyimpanan dan penyampaian maklumat kepada para pendidik dan pelajar.
- b. komputer berperanan sebagai alat berkaitan dengan maklumat dan pengetahuan.
- c. para pendidik dan pelajar memerlukan maklumat dan pengetahuan sebagai kunci kejayaan.

Mengikut pendapat Taylor (1980), peranan komputer dalam pendidikan terbahagi kepada tiga iaitu Tutor, Tool, dan Tutee. Sebagai Tutor, komputer berperanan sebagai pengajar melalui pendekatan pengajaran berbantuan komputer. Sebagai Tool, komputer menjadi alat untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran seperti konteks pengajaran berintergrasikan komputer. Sebagai Tutee pula, komputer berperanan sebagai alat yang diajar.

Bersesuaian dengan pendapat Taylor, Nuruddin Namin (1978), dalam kajiannya mengenai *The development of educational media service in Malaysia 1957 – 1972*, mendapati bahawa media bukan lagi dianggap sebagai alat dan bahan

bantuan mengajar tetapi harus menjadi komponen terpenting dalam kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran.

Atas dasar inilah masyarakat mendesak agar anak-anak mereka dilibatkan secara langsung dengan teknologi ini. Menurut Lockheed (1985), warganegara yang kurang terdedah kepada komputer akan menghadapi tiga kekurangan iaitu :

- a. tertinggal di dalam masyarakat yang semakin maju.
- b. kurang kemahiran-kemahiran kognitif yang melibatkan komputer.
- c. kurang sedar bagaimana komputer mempengaruhi masyarakat.

Sebuah artikel dari internet menjelaskan bahawa penggunaan komputer memberi kesan yang besar dan bermakna terhadap kualiti pembelajaran iaitu (Sejarah dan perkembangan komputer, 1999) :

- a. memudahkan penghasilan bahan-bahan pengajaran secara lebih efisien.
- b. membenarkan pendidik menyediakan pendekatan pengajaran baru yang lebih efektif.
- c. memudahkan penggunaan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran seperti multimedia, simulasi dan aktiviti kumpulan menerusi aplikasi sistem rangkaianya.
- d. komputer adalah media ideal untuk pengajaran individu dan pemulihan.

Kehadiran komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan memberi nafas baru terhadap pendidikan dengan membawa kesegaran baru kepada

tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, para pendidik yang menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka secara tidak langsung membantu kita mendefinisikan bentuk pendidikan negara masa depan demi untuk menghadapi Wawasan 2020 negara seperti yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita.

Dalam usaha mengharungi gelombang teknologi dalam pendidikan ini, dapatlah kita menimba sebaik mungkin potensi yang dibawanya terutama melalui komputer dalam pendidikan sambil mengambil langkah-langkah yang perlu mengelakkan implikasi-implikasi buruk teknologi daripada mencacatkan masyarakat masa depan, seperti menurut Gilman, J. (1986) yang menyatakan :

*Not only for future prosperity but our very survival as a nation depends upon our success in teaching our children the skill and attitudes appropriate to the operation and application of computer based, information orientated technology, and in utilising this technology fully in our educational programme.*

Projek pengenalan kepada komputer bermula hasil arahan daripada Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad pada bulan Oktober 1985 supaya Profesor Omar Abdul Rahman, Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri menjalankan kajian terhadap kepentingan komputer dalam pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Di antara perkara yang telah dikenal pasti dalam

kajian tersebut ialah (Sekolah Bestari, 1997) :

- a) kelab komputer sekolah, perlu memperkenalkan kesedaran komputer (computer awareness) melalui kurikulum pendidikan secara formal dan tidak formal.
- b) pengurusan di institusi-institusi pendidikan hendaklah menggunakan komputer.
- c) pengajian sains komputer perlulah dijadikan mata pelajaran elektif pada peringkat sekolah menengah atas.

Literasi komputer perlu bagi setiap individu (Luehrmann 1983). Justeru itu, setiap sekolah di Malaysia perlu melengkapkan setiap pelajar serta guru-guru dengan kemahiran ini. Menurut Hunter (1992), seseorang yang tidak literat teknologi dalam dunia ini merupakan orang yang tidak lengkap pendidikannya.

Lewat 1980an, saiz komputer telah menjadi semakin kecil dan harganya semakin menurun. Ramai di kalangan para guru mula menaruh harapan bahawa suatu masa nanti komputer berpotensi menjadi satu alat bantu mengajar yang berkesan. Di kalangan pemerhati teknologi pula beranggapan bahawa suatu hari nanti tugas para pendidik akan diambil alih oleh komputer. Walau apapun anggapan dan harapan yang dipertaruhkan, yang pasti kini ialah komputer telah dikenalpasti sebagai satu alat yang berpotensi dalam membantu para pendidik dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kini, dengan munculnya komputer multimedia, masalah teknologi telah mula dapat diatasi. Secara tidak langsung akan menambahkan minat para pendidik untuk menggunakan komputer di dalam bilik darjah. Jadi tidak hairanlah jika kita dapati multimedia akan hangat diperkatakan pada masa ini dan ramai yang berpendapat, multimedia akan memberikan kesan perubahan yang besar dalam bidang pendidikan dan komunikasi multimedia juga mencerminkan perubahan bagaimana cara manusia berfikir, belajar dan memahami akan sesuatu perkara, iaitu bermula daripada penggunaan teks dan grafik sahaja, disusuli dengan kombinasi bunyi dan video sehingga lahirlah teknologi multimedia sebagaimana yang wujud sekarang ini.

Malah ada pendapat yang mengatakan bahawa ( Media ComIL, Disember 1991) :

*Computers in education are revolutionary because they make possible great teaching in a system dedicated to mass education.*

Pernyataan di atas tidak bermaksud penggunaan bahan multimedia akan menggantikan tempat guru, tetapi sebagai alat bantuan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Keberkesanan strategi pengajaran yang boleh disediakan dengan menggunakan multimedia, adalah di antara beberapa faktor yang akan menggalakkan lagi penggunaan multimedia dalam bidang pendidikan.

## **2.4 Kajian Keberkesanan Penggunaan Bahan Multimedia (Komputer) dalam Pendidikan**

Pada masa kini, terdapat berbagai-bagai percubaan atau experimen dijalankan tentang pengajaran berpandukan komputer. Pada kebiasaananya, perisian dalam bidang pendidikan yang digunakan dalam kajian tersebut melibatkan aktiviti pembelajaran seperti latih-tubi, simulasi dan penyampaian maklumat kepada pelajar.

Tumpuan pendidikan bukan seharusnya kepada perkakasan semata-mata, tetapi kepada keberkesanannya sebagai alat bantu mengajar. Pendapat Collis (1987) ini disokong oleh Bork (1984) yang optimistik bahawa komputer akan mengubah sistem pembelajaran menjelang abad ke 21. Menurut beliau, pendidikan komputer bukan dalam bentuk literasi komputer, tetapi kepada penggunaan komputer untuk membantu pembelajaran, menulis, membaca dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan pembelajaran.

Faktor terpenting dalam mempertimbangkan komputer dalam membantu pembelajaran ialah pelajar dapat belajar secara aktif. Pelajar merupakan peserta dan bukannya sebagai penonton seperti di dalam persekitaran syarahan. Ini adalah kerana antara kelebihan utama komputer dalam membantu pengajaran dan pembelajaran ialah keupayaannya yang sesuai untuk pengajaran individu dan komunikasi interaktif (Bork, 1984). Oleh itu, komputer menyokong dan memperkayakan kaedah sedia ada dan bukan satu alternatif baginya. (Bowker, 1988; Bajpai, 1988).

Beberapa kajian telah membuktikan keberkesanannya pencapaian pendidikan berasaskan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran (Bracey 1982; Fisher 1983; Roblyer 1985; Niemice & Walberg 1987). Kajian-kajian tersebut menunjukkan pengajaran berbantuan komputer lebih baik atau sama baik dengan pengajaran tradisional (Alderman 1979; Kulik, Bangert & Williams 1980). Pendidikan berasaskan komputer didapati telah menunjukkan kesan positif terhadap pencapaian pelajar di sekolah menengah rendah dan menengah atas. (Robert, Bangert, Kulik, 1985).

Namun demikian dalam kajian Becker (1985) yang bertajuk, 'Kajian peringkat nasional tinjauan penggunaan komputer di sekolah dalam pengajaran', mendapati bahawa guru jarang menggunakan komputer untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pada tahun 1990, beliau mendapati sebilangan kecil sahaja guru dan pelajar yang menggunakan komputer walau pun terdapat banyak perkakasan dan perisian di sekolah. Ini juga mungkin disebabkan oleh sikap guru yang kurang pengetahuan tentang komputer yang turut menghalang keberkesanannya penggunaan komputer di sekolah.

Dapatkan daripada kertas kerja dalam seminar untuk pengetua dan guru (Yusup Hashim, 1993), menunjukkan bahawa terdapat hasil kajian yang ketara daripada kajian-kajian awal yang dijalankan. Pertama, pencapaian pelajar dalam pengajaran kognitif menggunakan teknologi multimedia adalah lebih baik daripada pengajaran tradisional. Kedua, penggunaan multimedia untuk mengajar kemahiran dan kognitif merupakan kaedah pengajaran yang berkesan. Ketiga, sikap pelajar

terhadap pembelajaran dan penggunaan teknologi meningkat setelah menggunakan teknologi multimedia ini.

Kajian Smith (1994), tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran menggunakan hipermedia menunjukkan bahawa pelajar menjadi lebih mahir dalam pelajaran serta boleh berkongsi kemahiran yang dipelajari; pelajar bebas memilih isi pelajaran; berpeluang menjadi lebih kreatif; boleh meningkatkan motivasi pelajar. Kesemua pelajar mendapat pembelajaran menggunakan hipermedia berfaedah manakala guru pula berpendapat bahawa program ini telah meningkatkan pembelajaran para pelajar.

Seterusnya, kajian tinjauan Chambers dan Sprecher (1980), menemuai lapan kajian daripada pelbagai institusi pengajian yang menyokong rumusan am mereka bahawa penggunaan komputer dalam pendidikan lazimnya memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar. Edwards; Norton; Taylor; Weiss & Dusseldrop (1975) melaporkan banyak kajian beserta dengan senarai skor tentang keberkesanan pendidikan berdasarkan komputer. Hasilnya, sejumlah 22 daripada 36 dapatan berasingan yang dipaparkan dalam kajian semula itu didapati positif untuk penggunaan komputer dalam pendidikan. 12 kajian lain menunjukkan persamaan keupayaan pelajar yang diajar secara biasa dan secara penggunaan komputer, manakala dua lagi menunjukkan kesan negatif untuk penggunaan komputer dalam pendidikan.

Kajian juga telah dijalankan oleh Splitberger (1979), tentang kesan pengajaran berkomputer ini juga menunjukkan bahawa pengajaran berbentuk tersebut pada keseluruhannya adalah positif, terutama sekali dalam latih-tubi dan dalam penggunaan komputer secara interaktif. Walau bagaimanapun kajian juga menunjukkan bahawa simpanan ingatan tentang apa yang telah dipelajari melalui pengajaran berbantuan komputer ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pendekatan pengajaran biasa. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti Norton et al. (1975) juga mendapati bahawa pengajaran secara ini menjimatkan masa pengajaran, tetapi menunjukkan simpanan ingatan yang lebih rendah di kalangan pelajar-pelajarnya berbanding dengan pelajar-pelajar yang belajar melalui pengajaran biasa.

Perkara tersebut mungkin berlaku kerana terdapat perbezaan di antara ilmu dan maklumat. Perbezaan di antara kedua-dua ini tertakluk kepada proses komunikasi yang berlaku.

Pada umumnya, dapatan kajian tentang status pedagogi mencadangkan bahawa pedagogi di bilik darjah pada masa kini dibandingkan dengan masa dahulu tidak banyak berbeza walaupun beberapa inovasi telah diperkenalkan dari semasa ke semasa (Cuban, 1984; Cohen, 1988).

Pada asasnya proses pengajaran boleh diuraikan dalam tiga tahap seperti berikut :

- Tahap 1 : Pertukaran ilmu orang perseorangan kepada maklumat awam.
- Tahap 2 : Penyiaran dan pengedaran maklumat.
- Tahap 3 : Pertukaran maklumat awam yang diterima oleh pelajar kepada ilmu perseorangan atau ilmu kendiri.

Penggunaan teknologi maklumat yang terluas pada masa kini adalah ditujukan ke arah tahap kedua iaitu penyiaran dan penyebaran maklumat, seperti yang dinyatakan oleh Ferubach (1979) :

*The experiences of large numbers of scientists can be put into the data banks of computer systems, and the computers can then be programmed to sort through all this information and come up with 'original' ideas ... a reasoning system stocked with all the scientific knowledge in the world. This latter system should not be restricted to science alone. Our educational facilities in general need to have the information ... at the fingertips of the teachers and students. This could be the greatest educational tool in the world.*

Tidak dapat dinafikan bahawa ciri teknologi maklumat yang ketara sekali ialah kebolehannya bagi mengendalikan maklumat untuk pengedaran maklumat. Contoh yang jelas telah pun diperolehi melalui kajian yang diterangkan terdahulu daripada ini yang menyatakan bahawa pembelajaran melalui bahan multimedia adalah lebih menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, oleh sebab keadaan

pembelajaran pada amnya tidak termasuk aktiviti yang ditujukan ke arah pertukaran maklumat kepada ilmu, menyebabkan maklumat yang diterima itu tidak di ‘hadamkan’ dan dijadikan ilmu bagi pelajar yang menggunakan keadaan pembelajaran ini. Oleh itu simpanan ingatan atau bagi apa yang dipelajari adalah dikatakan lebih rendah berbanding dengan pengajaran biasa. Pendidikan sebenarnya bukan semata-mata pengajaran atau latihan seperti yang diterangkan oleh Dale (1985) :

*Education ... emphasized creative interaction. The symbol of education is a man thinking critically : listening or speaking, reading or writing, visualizing or observing.*

Namun demikian masih terdapat beberapa kekurangan dalam penggunaan bahan multimedia dalam sistem pendidikan. Ini jelas dilihat dalam kajian *Educational media in secondary schools : An examination of existing facilities and the relationships between selected teacher variables and media utilisation*, menunjukkan bahawa peralatan di sekolah tidak mencukupi, kemudahan untuk menggunakan media dalam bilik darjah tidak mencukupi serta terdapat banyak kerentak pentadbiran untuk mendapatkan dan menyediakan bahan untuk pengajaran. (Fatimah Abu Bakar, 1980).

## **2.5 Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah dengan Menggunakan Bahan Multimedia di Negara Kita dan di Luar Negeri.**

Di Malaysia kajian tentang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah tidaklah banyak, tetapi beberapa pendapat dan kajian yang dijalankan sedikit

sebanyak dapat memberi gambaran tentang kajian yang hendak dilakukan ini.

Pentingnya mata pelajaran sejarah dalam pendidikan negara kita dapat dilihat dengan perlaksanaan kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sejak tahun 1977 lagi di mana ia telah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran teras atau wajib bagi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pendidikan sejarah penting kerana ia membolehkan pelajar memahami masyarakat masa lampau supaya mereka dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap masyarakat masa kini. Pelajar-pelajar yang tidak mengetahui dan memahami sejarah lampau akan tidak dapat mengatasi kepincangan yang berlaku di sekitar mereka masa kini. Tanpa sejarah, pelajar tidak dapat mengetahui tentang asal-usul mereka sendiri, malah mereka tidak akan dapat mengenal identiti mereka. Menurut Daniels, (1972) :

*Without history we have no knowledge of who we are or how we came to be, like victims of collective amnesia groping in the dark for our identiti.*

Sungguhpun mata pelajaran sejarah telah dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang wajip dan penting dalam sistem pendidikan negara kita, tetapi banyak kritikan telah dilemparkan terhadap keberkesanan pengajaran sejarah yang dikatakan kurang menarik, membosankan, terikat kepada buku teks dan aktiviti

pembelajarannya yang lebih bercorak hafalan (Baldwin, 1867).

Sarojini Menon (1969) ada mengatakan bahawa,

*The universal tradition of dullness associated with the teaching of History has largely arisen, no doubt, from a lecture-recitation techniques. Thus History has tended to be a dead subject instead of the vital and fascinating subject it could be.*

Ini adalah kerana pengajaran guru Sejarah yang tidak memuaskan di mana keadah-kaedah lama terutamanya teknik ‘chalk and talk’ masih diamalkan. Pendapat yang sama juga telah dikemukakan oleh Jasbir (1985), dan Abdul Rahim (1985) iaitu guru kurang memberi perhatian terhadap kaedah dan strategi pengajaran serta juga jarang memberi tumpuan terhadap sikap dan minat pelajar sebelum sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu berlaku.

Kritikan yang negatif terhadap mata pelajaran sejarah juga dapat di lihat di Amerika Syarikat sehingga ketahap hendak menghapuskan kursus-kursus yang berkaitan dengan sejarah, Wesley (1967). Kownslar (1976), pula menyatakan pengajaran sejarah masih tidak memuaskan dan belum ada tindakan konkret untuk mempertingkatkannya. Malah menurut Fox (1979), pasaran pekerjaan di Amerika Syarikat tidak memerlukan pencapaian dalam mata pelajaran sejarah menyebabkan minat terhadap mata pelajaran ini semakin berkurangan.

Walaupun berbagai kritikan dilemparkan ke atas cara atau kaedah pengajaran sejarah yang tidak menarik, tetapi ada juga pendapat yang mengatakan bahawa tiada terdapat suatu kaedah yang boleh dikatakan kaedah yang paling sesuai atau yang paling baik kerana ia dipengaruhi oleh berbagai faktor yang lain seperti persekitaran, guru, sukanan pelajaran dan sebagainya (Nicholls, 1974).

Lemka (1990) pula berpendapat bahawa kaedah pengajaran tradisional memberi kawalan bilik darjah sepenuhnya kepada guru. Cuma satu kelemahan kaedah ini ialah kurangnya penglibatan serta inisiatif pelajar dalam bilik darjah selain hanya mendengar penjelasan guru.

Memandangkan, hasil daripada kajian-kajian lampau jelas menunjukkan sejauh mana keberkesanan penggunaan bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadi kebolehan teknologi maklumat dalam memproses maklumat seharusnya diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya ia menjadi lebih berkesan. Apa yang seharusnya dilakukan ialah dengan mengabungkan alat-alat baru ini dengan kaedah tradisional seperti aktiviti perbincangan, penerangan dan pemahaman kerana pendidikan adalah untuk perkembangan manusia dan bukan pengajaran semata-mata.